

01/02/1999

Wisdec lahir pengusaha kayu mahir

NAMA seperti `shaker', `kentucky', `colonial', `victorian', `scandinavian' mungkin sudah lama menjadi buah mulut kepada sesetengah orang yang lebih cenderung menghiasi rumah dengan perabot import.

Jenama yang dikatakan elit, eksklusif dan melambangkan ciri kemewahan kepada pemiliknya itu suatu masa dulu sangat diagung-agungkan sesetengah pihak.

Mungkin benar juga, apa gunanya memiliki rumah banglo atau rumah batu jika ruang tamu tidak diceriakan dengan perabot mewah serba lengkap.

Bagi pemilik rumah papan, rumah kos rendah atau rumah setinggan, rumah mereka mungkin hanya dipenuhi perabot murah.

Persoalannya, apakah jenama popular perabot Malaysia di dalam negara atau di luar?

Mengapa sebagai sebuah negara yang kaya dengan sumber hutan masih tidak mampu menghasilkan perabot yang setanding dengan produk import? Apakah industri perabot tempatan masih lemah dari segi inovatif, kreativiti dan ketahanan daya saing?

Tidak hairanlah ketika merasmikan Pusat Reka Bentuk Perabot Malaysia (MFDC) di Kuala Lumpur, November lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegur pengilang tempatan supaya lebih memberi tumpuan kepada aspek pengeluaran produk berkualiti tinggi serta mempunyai fungsi dan reka bentuk yang menarik.

Reaksi kepada persoalan ini, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) sebenarnya sudah menekankan mengenai pengeluaran produk perabot beridentiti tempatan.

Menurut Ketua Pengarah MTIB, Datuk Abdul Rashid Mat Amin, pada masa ini reka bentuk perabot keluaran tempatan yang dieksport setanding dari segi kualiti dan daya saingnya.

Justeru, katanya, pendekatan diambil sekarang ialah menggembelng usaha untuk melahirkan reka bentuk perabot beridentiti Malaysia sebagai elemen memasuki pasaran eksport.

"Kini kita hendak beralih kepada own brand manufacture (OBM), iaitu kita mesti mempunyai reka bentuk sendiri untuk bersaing."

"Jika kita perhatikan di kedai perabot, perabot yang diimport adakalanya harganya sehingga empat dan lima kali ganda perabot tempatan. Kalau kita perhatikan selalunya harga perabot luar negara yang establish ini berdasarkan kepada reka bentuknya," katanya dalam satu temubual.

Tidak hairanlah, MTIB menggariskan pelbagai strategi untuk melahirkan kreativiti, bakat dan kemahiran di kalangan anak tempatan dalam industri perabot negara.

Satu daripadanya ialah menubuhkan Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (Wisdec), di Olak Lempit, Sepang, Selangor.

Antara objektif Wisdec ialah memberi latihan kemahiran berasaskan industry oriented dengan penekanan kepada sektor pemprosesan hiliran kayu untuk peringkat operator, juruteknik, penyelia dan pengurusan; dan mewujudkan tenaga kerja yang terlatih dan mencukupi dalam industri kayu, khususnya perabot.

Tidak hairanlah keistimewaan kayu tropika seperti meranti, keruing, nyatoh, merawan dan ratusan lagi jenis kayu ini satu hari nanti menyaingi keupayaan perabot buatan import.

Jenis kayu berkenaan bukan saja tidak kurang dari segi kecantikan dan nilai estetikanya, malah mempunyai daya ketahanan yang tinggi setanding

kayu hutan suhu sederhana dari kebanyakan negara Barat.  
(END)